



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR


**KERATAN AKHBAR
14 MEI 2019 (SELASA)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	MASJID SRI AMAN HUTANG RM400,000
MUKA SURAT	62

Masjid Sri Aman hutang RM400,000



Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Masjid Kampung Seri Aman, Puchong, Shahrudin Sapian (kiri) bersama ahli jawatankuasa meninjau pembinaan masjid yang hampir siap sepenuhnya.

Puchong: Pengurusan Masjid Kampung Seri Aman di sini terpaksa menanggung beban hutang RM400,000 dengan kontraktor ekoran tidak cukup dana walaupun masjid itu siap dibina pada Mei 2017.

Nazir masjid, Ibrahim Mokhtar, berkata kos pembinaan keseluruhan masjid itu berjumlah RM9.5 juta, hasil sumbangan orang ramai dan penduduk tempatan, yang mula dibina pada awal 2014.

Katanya, sepanjang pembinaan, pihak pengurusan membuat pem-

bayaran secara berperingkat kepada pemaju namun mula berdepan masalah apabila dana diperolehi tidak mencukupi bagi menyelesaikan hutang yang tertunggak.

"Ekoran itu kami masih meneruskan kutipan dana dan pengurusan masjid juga berterima kasih kepada pihak kontraktor yang mendahulukan wang mereka bagi menyiapkan projek terbabit mengikut tempoh ditetapkan," katanya ketika ditemui BH.

Selain penduduk Kampung Seri

Aman yang dahulunya dikenali sebagai Kampung Pulas, masjid itu turut digunakan penduduk kampung berdekatan iaitu Seri Aman Bistari, Aman Hilir, Aman Berkat serta Aman Tengah, bagi mengadakan solat berjemaah dan kegiatan keagamaan.

Pembinaan masjid itu adalah bagi menggantikan surau Seri Nurul Hidayah yang sudah wujud lebih 50 tahun di kampung berkenaan termasuk digunakan untuk sembahyang Jumaat meskipun tidak dapat menampung jemaah yang

ramai disebabkan pertambahan penduduk.

Jemaah ramai

Masjid itu mampu memuatkan lebih 5,000 jemaah dalam satu-satu masa dan turut dilengkapi pejabat masjid, kuarters imam, bilal, dua bilik kuliah, bilik jenazah dan sebuah dewan makan.

Berikutan kesulitan melunaskan bayaran terbabit, Ibrahim berkata, pihaknya mengadakan kempen mengutip sumbangan derma orang ramai bagi membantu me-

Info

KEMPEN SUMBANGAN

- Orang ramai boleh salur sumbangan melalui tabung yang diletakkan di stesen minyak dan masjid termasuk melalui sistem aplikasi Quick Response (QR) Code Maybank.
- Kempen bagi mengumpul dana melunaskan tunggakan, biaya penyediaan lebih banyak kemudahan seperti sekolah agama integerasi bersebelahan masjid
- Boleh menyalurkan derma ke akaun Maybank bernombor 562777210651 atau menghubungi 019-2241094 atau 012-2039600.

BH - MS - 62

nyelesaikan masalah itu.

Ibrahim berkata pihaknya juga ingin memperbetulkan persepsi orang ramai yang mempersoalkan kenapa pengurusan masjid masih mencari dana sedangkan pembinaan masjid sudah pun selesai.

Beliau berharap orang ramai dan penduduk memahami keadaan sebenar dan berhenti menuduh pihak pengurusan demi keharmonian bagi melunaskan bayaran yang sudah lama tertunggak dengan pihak kontraktor.

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	MBPJ SEDIA TONG PENGASINGAN SISA MAKAN DI 13 LOKASI BAZAR
MUKA SURAT	47

MBPJ sedia tong pengasingan sisa makanan di 13 lokasi bazar

H&A
UTUSAN
M/S- 47

PETALING JAYA 13 Mei - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menyediakan kemudahan tong pengasingan sisa makanan di 13 lokasi bazar di sekitar Petaling Jaya, Selangor sepanjang Ramadan ini.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Datuk Mohd. Sayuthi Bakar berkata, kemudahan itu sebagai galakan kepada orang ramai terutama peniaga bazar untuk mengasingkan sisa makanan

yang dijual, sekali gus menjayakan kempen kitar semula.

“Tong pengasingan sisa makanan ini disediakan di 13 lokasi bazar iaitu di Seksyen 14/20, PJU 10/1 Damansara Damai, Seksyen 17/1A, Kg Lindungan PJS 6/3, Desa Mentari PJS 6/5 dan Tapak Pasar Malam Taman Medan PJS 2D,

“Kawasan lain ialah Taman Sri Manja, SS8 Sg Way, Pangsapuri Meranti Bandar Sri

Damansara, Seksyen 7 Kota Damansara, Seksyen 4 Kota Damansara, SS 6/1 Kelana Jaya dan Lembah Subang,” katanya.

Selain itu Mohd. Sayuthi berkata, pihaknya turut mengadakan Kempen 3R (*Reuse, Reduce, dan Recycle*) bagi tujuan mengumpul minyak masak terpakai sempena Ramadan.

Katanya, kempen sehari itu diadakan di bazar Ramadan Pangsapuri Vista di PJU 10/1 Damansara Damai.



MOHD. SAYUTHI BAKAR (dua dari kanan) bertanyakan sesuatu kepada seorang peniaga bazar Ramadan Damansara Damai, Petaling Jaya, Selangor ketika lawatan ke bazar berkenaan baru-baru ini - UTUSAN/ ABD RAZAK AID

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	JUMLAH KUTIPAN SAMPAH MENINGKAT 30 PERATUS SEPANJANG RAMADAN
MUKA SURAT	20

Jumlah kutipan sampah meningkat 30 peratus sepanjang Ramadan

SHAH ALAM - Jumlah kutipan sampah melibatkan 11 kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang diuruskan KDEB Waste Management Sdn Bhd meningkat sehingga 30 peratus sepanjang Ramadan ini.

Pengarah Urusan KDEB Waste Management, Ramli Mohd Tahir berkata, peningkatan jumlah itu disumbang melalui aktiviti memasak di rumah, premis perniagaan dan juga bazar Ramadan selain membabitkan sampah-sampah pukal pengguna.

Menurutnya, situasi itu sudah dijangka dan pihaknya sentiasa bersedia melaksanakan kutipan sampah seperti yang dijadualkan.

"Ada sebahagian kawasan PBT yang meningkat 20 hingga 30 peratus. Sebagai contoh di Klang, sebelum bulan puasa kita ambil 750 tan sehari tetapi dalam bulan puasa terdapat tambahan 20 peratus lagi. Untuk keseluruhan Selangor, kita kutip 5,200 tan sampah sehari iaitu berlaku pening-



Kira-kira 80 anak-anak yatim dan asnaf diraikan pada Majlis Iftar KDEB Waste Management kelmarin.

katan 1,000 tan sampah sehari.

"Peningkatan jumlah sampah ini melibatkan sampah domestik terutamanya dari bazar Ramadan dan juga sampah pukal yang dibuang untuk persiapan hari raya seperti potong pokok, buang perabot lama dan sebagainya," katanya ketika ditemui pada Majlis Iftar KDEB Waste Management 2019 kelma-

rin.

Pada majlis itu, lebih 1,000 tetamu diraikan termasuk kakitangan, anak syarikat dan keluarga, 80 anak-anak yatim dan asnaf serta warga media.

Ramli berkata, pengajuran iftar itu adalah salah satu program tanggungjawab sosial korporat dan tanda penghargaan kepada semua pihak yang bekerjasama melaksanakan ama-

nah dalam menguruskan sisa pepejal di Selangor.

"Pada majlis ini juga KDEB Waste Management Sdn Bhd turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim dan asnaf.

"Pada masa sama, sebagai menghargai orang awam, sumbangan turut diberikan kepada Shareh Nasrullah Shareh Roselin atas keprihatinan dan ke-



Ramli beramah mesra dengan tetamu yang hadir.



Ramli menyampaikan sumbangan kepada Shareh Nasrullah.

beraniannya membantu pekerja pembersihan awam yang diganggu dan dipukul

sekumpulan lelaki mabuk di Ampang pada 13 April 2019," katanya.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PKNS TUNAI ZAKAI PERNIAGAAN
MUKA SURAT	22

PKNS tunai zakat perniagaan

Sumbangan berjumlah RM200,000 disalurkan kepada 10 surau dan 13 asnaf

MUHAMMAD AMINURALIF
MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Perbadian Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyempadankan sumbangan zakat perniagaan berjumlah RM200,000 kepada 10 surau dan 13 asnaf di bawah Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (Teras).

Pengurus Komunikasi Korporatnya, Ishak Hashim berkata, ia merupakan usaha PKNS untuk menyumbang kembali kepada masyarakat terutamanya dalam bulan Ramadan ini.

Menurutnya, selain merupakan pemaju hartanah di Selangor, pada masa sama PKNS juga memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat termasuk kemajuan komuniti khususnya di bandar-bandar pertumbuhan baharu PKNS.

"Justeru, PKNS meneruskan keseimbangan program amal Ramadan dan berkongsi rezeki dengan membantu golongan yang memerlukan. Ia bertujuan memberi peluang kepada mereka untuk turut merasa nikmat keberkatan Ramadan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Iftar Ramadan PKNS di Shah Alam Convention Centre Jumaat lalu.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datuk Mohd Azizi Mohd Zain; Ketua Pegawai Operasi PKNS, Norita Mohd Sidek, Ahli Pengurusan serta anggota PKNS.

Katanya, sumbangan kepada 10 surau ini salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang diadakan secara tahunan di mana sebelum ini penerimaannya adalah badan bukan kerajaan (NGO) dan rumah anak yatim.

"Namun tahun ini, sedikit kelainan kerana PKNS menyampaikan sumbangan dengan jumlah keseluruhan RM150,000 kepada surau yang dibina di kawasan perumahan dan



Mohd Azizi (enam dari kiri) bersama Norita bergambar selepas menyempadankan sumbangan kepada wakil surau pada majlis berkenaan.



YAHYA



ABDUL SHUKOR

pembangunan 11 bandar yang merupakan pusat pertumbuhan baharu PKNS.

"Sumbangan kepada Teras adalah dalam bentuk latihan dan modal perniagaan berupa pembelian peralatan perkhidmatan cucian fabrik kepada 13 asnaf miskin berjumlah RM150,000," katanya.

Menurutnya, sumbangan itu diharap mampu mengurangkan kekangan kewangan yang dihadapi mereka.

Seramai 13 asnaf miskin dan seorang fakir miskin yang telah berjaya, turut diraikan dalam majlis itu.

Sementara itu, surau yang menerima zakat adalah Surau Al-Ehsan Seksyen 20 Shah Alam, Musolla Al-Islah PKNS Seksyen 17 Shah Alam, Surau Al-Amin Seksyen 18 Shah Alam, Surau Al-Raudhah Seksyen 24 Shah Alam, Surau Ar-Rahman Seksyen 7 Bandar Baru Bangi, Surau Ar-Ridzuan Seksyen 6 Bandar Baru Bangi, Surau Al-Hidayah AU3 Ampang Ulu Klang, Madrasah Al-Ehsaniah AU3 Ampang Ulu Klang, Surau Al-Ikhlash Taman

Dağang Ampang dan Surau An-Nur Seri Perantau Pelabuhan Klang. Setiap surau menerima sumbangan berjumlah RM5,000.

Sumbangan pencetus semangat

Penerima, Yahya Md Ali, 60, berkata, zakat yang diterimanya ini merupakan pemangkin semangat dirinya untuk bangkit kembali setelah jatuh beberapa tahun yang lalu.

"Saya pernah mempunyai perniagaan jahitan sendiri suatu ketika dahulu, sehingga pernah menerima tempahan yang banyak. Namun, kesusilaan saya dari segi pengurusan, menyebabkan perniagaan saya lumpuh.

"Namun saya tak lekas patah semangat, saya bangkit semula sedikit demi sedikit," katanya.

Wakil daripada Musolla Al-Islah, Abdul Shukor Abdul Samad, 64, memberitahu, zakat yang diterima surau ini akan digunakan untuk tujuan penambahbaikan.

"Alhamdulillah saya bersyukur atas apa yang diterima untuk surau kami ini," katanya.



Mohd Azizi bersama Norita menyerahkan sumbangan kepada Pemangku Pengurus Besar Teras, Mohd Hasnol Redza Abdul Rahim yang mewakili golongan asnaf pada majlis Iftar Ramadan PKNS 2019.



Tazkirah Ramadan antara pengisian pada majlis Iftar berkenaan.



Anggota PKNS serta tetamu yang hadir solat isyak dan tarawih berjemaah.

FOTO: ROSLI TALIB

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	MDKS SIASAT PUNCA GANGGUAN LALAT
MUKA SURAT	24

MDKS siasat punca gangguan lalat



Pegawai Jabatan Kesihatan MDKS memantau rumah penduduk berikutan aduan gangguan lalat di Kampung Parit Mahang.

KUALA SELANGOR - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) masih menyiasat punca gangguan lalat di empat kawasan terjejas di Kampung Parit Mahang.

Yang Dipertua MDKS, Rahlah Rahmat berkata, pemantauan masih dilaksanakan di Jalan Berkat, Jalan Makmur, Jalan Kenanga, Jalan Sepakat.

Menurutnya, hasil pemerhatian pada 15 April lalu mendapati, persekitaran kedua ladang ternakan terlibat kurang terurus.

“Seluruh kawasan persekitaran ladang terbabit dipenuhi lalat terutama di tong pelupusan bang-

kai ayam dan najis ayam.

“Kedua pemilik ladang diberikan notis dibawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 atas kesalahan menyebabkan kacau ganggu terhadap penduduk berhampiran,” katanya.

Bagaimanapun katanya, hasil pemantauan semula pada 8 Mei lalu mendapati, lalat berkekurangan di kawasan reban dan kawasan berhampiran.

“Pihak pengusaha turut dikehendaki memastikan tahap kebersihan kawasan pelupusan bangkai dan najis berada dalam keadaan bersih bagi mengelakkan aduan

berulang.

“Laporan siasatan dimajukan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor dan Pejabat Penghulu untuk tindakan selanjutnya.

“Kerjasama orang ramai diperlukan untuk menyalurkan maklumat sekiranya perkara ini berulang.

“Orang ramai boleh buat aduan berkaitan perkhidmatan MDKS secara dalam talian di selangor.spab.gov.my atau hubungi 0332891439,” katanya.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	SULTAN SELANGOR BERBUKA PUASA BERSAMA RAKYAT
MUKA SURAT	38

Sultan Selangor berbuka puasa bersama rakyat

FOTO: MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR


SEKINCHAN - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Nurul Falah, Tali Air 7, Kampung Sungai Leman semalam.

Pada majlis itu, baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan Aidilfitri sebanyak RM222,500 kepada 445 penerima.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM8,000 diserahkan kepada 16 asnaf fakir, manakala 168,500 kepada asnaf miskin dan RM28,500 kepada 57 saudara baharu.

Pada masa sama, Sultan Sharafuddin turut merasmikan Masjid Nurul Falah, Tali Air 7, Kampung Sungai Leman.

Masjid yang mula dibina semula dan digunakan sepenuhnya sejak 1985 itu mampu menampung seramai 400 jemaah secara keseluruhan dengan 250 je-



Sultan Sharafuddin menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Berbuka Puasa di Masjid Nurul Falah, Tali Air 7, Kampung Sungai Leman semalam.

maah dalam ruang solat utama.

Sultan Sharafuddin dan hadirin kemudian menunaikan solat Maghrib berjemaah diikuti solat Isyak serta solat sunat tarawih.

Turut berangkat, Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.



AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	CRACKS CAUSED BY WATER EROSION
MUKA SURAT	5

UNDERGROUND MOVEMENT

CRACKS CAUSED BY WATER EROSION

It removed soil under Block F of Taman Keramat Permai flats, says Selangor exco rep

NURADZIMMAH DAIM
AMPANG JAYA
cnews@nstp.com.my

CRACKS at Block F of Taman Keramat Permai flats were caused by groundwater erosion near one of the two stairs.

Selangor Housing and Urban Living Committee chairman Haniza Mohd Talha said water erosion, through time, had removed

the soil and created an empty space.

“Ikram (the Public Works Institute of Malaysia), in its report, said the groundwater had compromised the (stability of the) stairs on one side of the block, causing cracks to appear on the walls.

“Soil samples were taken from the block for further tests.

“According to the report by Ikram and the consulting firm, which was completed last week, the block was deemed safe to occupy.

“Repair work is being carried out to cover the cracks by a contractor, while Ikram will continue monitoring the building for six months for any sign of movement,” she told the *New Straits Times* yesterday.

Haniza said redevelopment



Haniza Mohd Talha

plan for the flats was still on the table, pending the outcome of engagement sessions with stakeholders on the guidelines.

“The stakeholders include mu-

nicipal councils in the state and housing management bodies. We expect the guidelines to be ready in two months and they will be presented to the Selangor Economic Planning Committee.

“Any decision for redevelopment of old private and public housing schemes, including Taman Keramat Permai flats, will depend on the guidelines. We do not wish to make decisions in haste.

“We are gathering data (on old housing schemes) and feedback before deciding on the next course of action.”

It was reported that 118 residents from 37 families at the block were evacuated following the discovery of cracks on the fourth and fifth floors of the building.

The victims were relocated to a

temporary shelter set up by the Ampang Jaya Municipal Council. They were allowed to return home on May 4.

Checks at the flats yesterday revealed that repair work to fill up the cracks was ongoing, with scaffolding erected in the affected areas.

Resident Shabnam Shaheen, 37, said she had been feeling uneasy since returning home.

“The consultant had taken samples of the soil here. We will have to wait for the laboratory result to know whether there are possibilities of further movement.

“We are on alert... ready to move out if the incident recurs. We might consider looking for another place to stay if the cracks reappear. I will not risk the safety of my children,” said the mother of three.

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	'BACK LANE MOST IDEAL FOR TRASH PICK-UP'
MUKA SURAT	2

'Back lane most ideal for trash pick-up'

Residents in four neighbourhoods want MPK to continue original route after grace period ends in June



Ganesan (left) with another resident, M. Sudhir, showing the purpose-built rubbish cubbyhole and wide back lane in Taman Petaling Indah.

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	'BACK LANE MOST IDEAL FOR TRASH PICK-UP'
MUKA SURAT	2

By EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

FOUR neighbourhoods in Klang want waste management contractors to continue collecting domestic waste from the back of houses.

For over more than 40 years, residents in Southern Park, Taman Petaling Indah, Taman Chi Liung and Taman Palm Grove have been putting their rubbish in the garbage cubbyhole at the back of their respective terrace houses.

They said the back lanes of old neighbourhoods such as theirs were built wide enough for rubbish trucks.

Their unhappiness over garbage collection arose when Klang Municipal Council (MPK) president Datuk Mohamad Yasid Bidin informed households to put their rubbish in front and directed contractors to collect waste from the front of houses because the back lanes were being damaged by trash compactors.

The four neighbourhoods objected and repeated their request for the collection to return to the back lanes.

Southern Park Residents Association president Patrick Lee Wei Keong said the residents in the four neighbourhoods were against the local council's order to leave the domestic trash at the front of their houses.

"Our neighbourhoods are well-planned and the design accommodates the collection of waste at the back lanes. Domestic waste is mostly food scraps that rot. It is smelly and unsightly, so it should be disposed of in the back lanes and not in the front of our homes," he said.

He added that residents in the four neighbourhoods had voiced their dissatisfaction at the end of March and MPK granted a three-month grace from April to June for the continuation of rubbish collection at the back lanes.

Selangor Government appointed KDEB Waste Management Sdn Bhd to handle domestic waste collection and public cleansing in Klang and numerous other districts.

Taman Palm Grove Rukun Tetangga secretary Subhash Kumaran agreed with Lee that waste posed a threat to public

health as leachate could ooze out from the bags and contaminate the front of the houses.

"I want to emphasise that the wide back lanes are service roads meant for rubbish collection and other utility services.

"Our trash bins are at the back of the houses. Some have even built waste chambers at the back of their houses.

"Residents in all the four neighbourhoods involved have always neatly placed their rubbish bags according to the scheduled collection," he added.

Subhash said residents would hold a signature campaign to get MPK to resume the original collection route.

He said the campaign would also create awareness of proper rubbish disposal to keep the back lanes clean.

Taman Petaling Indah Residents Association president T. Ganesan said residents had been taking their rubbish out to the back of their houses for the past four decades.

"All households here have been placing neatly tied rubbish bags in

the designated bins for collection. Making people put the rubbish at the front is going to clutter the road and it is unsuitable," he said.

Lee said the rubbish compactors should use the back lanes because the front roads were busy with traffic, parked cars and other delivery services.

"We have an ageing population who go out for walks in the mornings, there are school buses plying these roads and people driving in and out of their gates, so we cannot have rubbish compactors going on the front roads too," he said.

Taman Chi Liung Rukun Tetangga president Barrie Ganeson said MPK's unilateral decision to force residents to place the rubbish in the front of the houses was unreasonable.

"We want MPK to cancel the move as all the residents are against the decision.

"On our side, our associations have informed the people not to obstruct the back lanes to ensure the trash compactors can pass through smoothly. All have followed that advice," he added.

“Leachate could ooze out from the bags and contaminate the front portion of our homes.



Subhash Kumaran

“MPK's unilateral decision forcing residents to place rubbish at the front of houses is unreasonable.



Barrie Ganeson

“Our neighbourhoods are well-planned and the design accommodates collection of waste at the back lanes.



Patrick Lee

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	STALLED PROJECT TURNED INTO EYESORE
MUKA SURAT	4

Stalled project turned into eyesore

Taman Palm Grove folk also find reptilian intruders coming from site

By EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

TAMAN Palm Grove residents in Klang want the developer of a stalled mega project to clean up the abandoned site that is filled with weeds, creepers and fallen metal hoardings.

The six-hectare site was where the Gateway Klang (formerly known as One Gateway Klang) mixed development project was supposed to be built.

Instead, the area is now filled with debris and rusted steel rods protruding from concrete piles. The site has been abandoned for more than six years.

Pandamaran assemblyman Tony Leong Tuck Chee said he had received complaints about the unkempt area of the abandoned project.

"Under the Street, Drainage and Building Act 1974, the landowner or in this case the developer must keep the land of the stalled project clean and not allow it to become a nuisance to the surrounding neighbourhood.

"I will inform Klang Municipal Council (MPK) to act on this immediately," said Leong.

"MPK must issue an immediate notice to the developer to rectify the situation.

"If the developer fails to get it done within 14 days, MPK has the right to get a contractor



Suleka pointing out the abandoned project site overgrown with wild vegetation across from her house.

to do the job and bill the developer for it," he added.

Taman Palm Grove Rukun Tetangga secretary Subhash Kumaran said the council should warn the developer to keep the site clean.

"Our neighbours are stressed out because huge monitor lizards and pythons have appeared in this residential area.

"It has turned into a breeding ground for reptiles," he said.

Suleka Madhvan, 69, whose house faces the project site, said her neighbours spotted green iguanas in the drains and even a Malayan weasel in people's backyards.

Lakshmi Samy Nair, 69, said the dilapidated metal hoardings around the project site had attracted scrap metal thieves who had been ripping out loose hoardings.

"Creepers are growing over the hoardings, and we want the developer to clean up the place," she said.



Lakshmi says scrap metal thieves have ripped out loose hoardings.

“Our neighbours are stressed out because huge monitor lizards and pythons have appeared in this residential area.”

Tony Leong Tuck Chee



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	MPK GIVES HEFTY DISCOUNTS FOR PARKING FINES, VALID TILL JUNE 2
MUKA SURAT	4

MPK gives hefty discounts for parking fines, valid till June 2

KLANG Municipal Council (MPK) is offering discounts for parking compound notices from as far back as eight years ago.

Offenders with compound notices issued between 2011 and 2015 need only pay RM5 for each ticket, while those with notices issued between 2016 and 2019 have to pay RM15 per ticket.

The discounts are valid until June 2.

Council president Datuk Mohamad Yasid Bidin said MPK was offering the discounts in conjunction with the 129th Council Day.

"We have lowered the amount to RM5 and RM15 because we want people to pay up.

"We hope motorists take this chance to settle their long overdue fines," he said.

Mohamad Yasid, however, stressed that the discount was not offered to offenders who parked in bays designated for

disabled persons.

Matilda Gomez, 63, said she received a letter from MPK informing her of the discount.

She has 24 compound notices, which added up to a hefty sum.

"I am glad for the discount, and I will pay the fines," she added.

Father of 10, Mat Pilus Jawi, 55, said he would be able to settle his five MPK traffic offences with the discounted fine of RM5.

The local council had sent out hundreds of letters to defaulters of parking fines, stating the original amount and the new total after discount.

Payments can be made at the council's office counters, temporary booths at selected malls, MPK kiosks and vans or via MPK's SmartParking App and online banking. — By EDWARD RAJENDRA

Parking compound payment areas in Klang

Date	Location	Time
May 25 and 26	AEON Bukit Raja, Klang	10:30am to 10pm
June 1 to June 2		

MPK Mobile Van

May 21	Bandar Bukit Tinggi (Public Bank)	10am to 4pm
May 23	Port Klang, Jalan Berangan	
May 24	North Klang, Jalan Raja Hassan	
May 27	Taman Sentosa (Public Bank)	
May 28	Bayu Perdana (Maybank)	
May 29	Taman intan, Jalan Batai Laut 5	
May 30	Bandar Puteri (Am Bank)	
May 31	Taman Sri Andalas (Hong Leong Bank)	

